



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

NILAI ISLAM DALAM KOMIK MAJALAH DEWAN PELAJAR

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

FBMK 2016 17



NILAI ISLAM DALAM KOMIK MAJALAH DEWAN PELAJAR

Oleh

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah
Master Sastera**

Mac 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan untuk Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera.

NILAI ISLAM DALAM KOMIK MAJALAH DEWAN PELAJAR

Oleh

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

Mac 2016

Pengerusi : Kamariah binti Kamarudin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Nilai Islam merupakan nilai yang memberi panduan dan pengajaran kepada manusia bagi membezakan perkara benar dengan perkara yang salah. Nilai Islam juga merupakan wahyu daripada Allah S.W.T kepada seluruh hamba-Nya untuk mendidik jiwa dan memandu cara hidup manusia supaya menepati syariat agama Islam. Penerapan nilai Islam ini bukan sahaja tertumpu pada pendidikan di sekolah atau institusi pengajian sahaja namun turut terarah kepada bahan bacaan bersifat ilmiah serta bahan bacaan seperti komik. Didapati bahawa terdapat beberapa tanggapan negatif yang menyatakan medium komik ini tidak memberi manfaat kepada pembaca malahan terdapat golongan ibu bapa yang melarang anak-anak mereka untuk membaca komik. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa medium komik sememangnya mengandungi nilai Islam yang dapat mendidik pembaca khususnya golongan kanak-kanak. Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis nilai Islam yang terdapat dalam komik *Majalah Dewan Pelajar* pada tahun 2012, tahun 2013 serta tahun 2014. *Majalah Dewan Pelajar* merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur telah menjadi majalah dalam kelas sejak tahun 1990 lagi sebagai bahan bacaan kanak-kanak. Sehubungan itu, kajian ini berfokus kepada komik *Di dan Pi* serta komik *DP* yang terdapat dalam *Majalah Dewan Pelajar* dan komik ini diterbitkan pada setiap bulan. Nilai dalam kajian ini menggunakan al-Quran dan hadis bertujuan untuk mengukuhkan bahawa nilai-nilai yang dikenal pasti datangnya daripada agama Islam. Kajian ini juga dibahagikan kepada dua iaitu hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*) bertujuan untuk memberi lebih penjelasan berkaitan nilai Islam. Pembahagian ini merupakan pecahan utama dalam teori Takmilah iaitu hubungan manusia dengan Allah yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan manusia yang bersifat *horizontal* sebagai asas kajian. Kerangka dalam *Ihya Ulumiddin* turut digunakan untuk mengukuhkan kajian dengan empat pecahan besar dalam kitab ini. Didapati hubungan manusia dengan Allah merangkumi bahagian peribadatan manakala hubungan manusia dengan manusia merangkumi bahagian pekerjaan sehari-hari, perbuatan yang membinasakan dan perbuatan yang menyelamatkan. Berdasarkan kajian ini nilai Islam yang terkandung dalam komik lebih menjurus kepada hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) berbanding hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*).

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree Master of Art

ISLAMIC VALUES IN THE COMIC *MAJALAH DEWAN PELAJAR*

By

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

March 2016

Chairman : Kamariah binti Kamarudin, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Islamic values are the values that guiding and teaching mankind to distinguish the truth and false. Islamic values is a revelation from Allah S.W.T to all his servants to educate and lead us to the ideals of Islam. The application of Islamic values is not only focused in schools or institutes of higher learning only but also focus on reading materials such as academic and comics. There were few negative responses that stated comic medium does not giving benefits to readers furthermore there were a few parents forbidding their children to read the comics. Hence, the research is done to prove that the medium of comics were contain Islamic values that can educate readers, especially children. This study will identify and analyze the values of Islam which is contained in the comic *Majalah Dewan Pelajar* at 2012, 2013 and 2014. *Majalah Dewan Pelajar* is published by Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur has became the magazine in class since 1990 again as reading material for children. This study focuses on the comic *Di dan Pi* as well as comics *DP* in *Majalah Dewan Pelajar* that were monthly published. In addition, the value in the study were based on the Quran and Hadis aimed at strengthening that values identified comes from Islam. This study is divided into two, namely human relationship with Allah (*habl' min Allah*) and human relationship with human (*habl' min al-Nas*) ain to provide more clarification of Islamic values. This is a main part in theory Takmilah which is human relationship toward Allah is a vertical and human relationship with human is a horizontal as the basis of this studies. The framework of *Ihya Ulumiddin* also applies to further this studies with four main part in this book. Found that human relationship toward Allah includes worship while human relationship with human covers daily work, actions that lead to destroy and rescue. Based on this study, Islamic values contained in the comic closely related to the human relationship with human (*habl' min al-Nas*) compared than relationship with Allah (*habl' min Allah*).

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat baginda yang dikasihi. Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan taufik dan hidayah-Nya yang memberi kekuatan dan keyakinan kepada pengkaji untuk menyiapkan tesis dengan jayanya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Kamariah Kamarudin selaku penyelia serta insan yang banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan sehingga terhasilnya kajian ini. Ilmu serta nasihat yang diberi telah memberi suntikkan semangat kepada pengkaji untuk terus berusaha menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga, jutaan penghargaan diucapkan kepada Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok yang banyak memberi tunjuk ajar yang berguna kepada saya sepanjang proses kajian ini dilakukan.

Penghargaan juga kepada pemeriksa tesis yang berlapang hati dalam menilai dan meneliti kajian ini dari mula hingga akhirnya. Semoga tuan-tuan mendapat rahmat dan berkat daripada-Nya.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan perpustakaan khususnya Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI dan juga Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur yang banyak memberi kerjasama ketika proses penyelidikan dilakukan.

Kepada pihak yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung saya mendoakan semoga kalian dipermudahkan urusan di dunia dan di akhirat. Aamin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyeliaan dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan dan elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan pengesan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Shukrey Bin Ahmad, GS37507


Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Sisiwazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyelidikan _____



SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
 BAB	
 I. PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Teori Takmilah	10
1.8 <i>Ihya Ulumiddin</i>	12
1.9 Definisi Konsep	12
1.10 Kerangka Konseptual	14
1.10.1 Proses Kajian	16
1.11 Kesimpulan	17
 II. SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Komik	18
2.2.1 Kajian Komik Berkaitan Kanak-Kanak	18
2.2.2 Kajian Komik Secara Umum	19
2.3 Kajian Nilai Islam	22
2.4 Kajian Teori Takmilah	24
2.5 Kesimpulan	30
 III. METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	31
3.2 Kaedah Kepustakaan	31
3.3 Kaedah Kajian Teks	31
3.4 Teori Takmilah	32
3.5 Perluasan Teori Takmilah (PESURAT)	49
3.6 <i>Ihya Ulumiddin</i>	52
3.7 Kesimpulan	54
 IV. ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pengenalan	58
4.2 Hubungan Manusia Dengan Allah (<i>habl' min Allah</i>)	63
4.2.1 Peribadatan (<i>rubu' Ibadah</i>)	63
4.2.1.1 Kitab ilmu	64
4.2.1.2 Kitab rahsia hikmah bersuci	67

4.2.1.3	Kitab hikmah bersolat	69
4.2.1.4	Kitab hikmah <i>shiam</i> (puasa)	71
4.3	Hubungan Manusia Dengan Manusia (<i>habl' min al-Nas</i>)	74
4.3.1	Pekerjaan sehari-hari (<i>rubu' Adat Kebiasaan</i>)	75
4.3.1.1	Kitab hukum berusaha (bekerja)	76
4.3.1.1.1	Beriadah	76
4.3.1.1.2	Bekerjasama	79
4.3.1.1.3	Reka cipta	81
4.3.1.2	Kitab adab kehidupan dan budi pekerti (akhlak) kenabian	83
4.3.1.2.1	Bijaksana	83
4.3.1.2.2	Kebajikan	85
4.3.1.2.3	Bersedekah	89
4.3.1.2.4	Berani	91
4.3.2	Perbuatan yang membinasakan (<i>rubu' al-Muhlikat</i>)	94
4.3.2.1	Kitab bahaya lidah	94
4.3.2.1.1	Dusta	95
4.3.2.2	Kitab bahaya marah, dendam dan dengki	97
4.3.2.2.1	Marah	98
4.3.2.2.2	Dengki	100
4.3.3.	Perbuatan yang menyelamatkan (<i>rubu' al-Munjiyat</i>)	102
4.3.3.1	Kitab cinta kasih, rindu, jinak hati dan rela	103
4.3.3.1.1	Nasihat	103
4.3.3.1.2	Silaturahmi	106
4.3.3.1.3	Teladan	109
4.3.3.2	Kitab niat, benar dan ikhlas	112
4.3.3.2.1	Ikhlas	112
4.3.3.2.2	Amanah	114
4.4	Kesimpulan	117
V.	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	119
5.2	Rumusan	119
5.3	Cadangan	122
	BIBLIOGRAFI	124
	LAMPIRAN	133
	BIODATA PELAJAR	139

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan Melayu merupakan suatu bidang yang indah dengan penggunaan bahasa dan teknik penceritaannya dalam menyampaikan sesuatu amanat, nasihat serta nilai kebaikan kepada masyarakat. Bidang kesusasteraan Melayu dilihat begitu menyerlah dengan adanya penerbitan daripada pelbagai genre seperti cerpen, novel, drama, puisi dan juga terhasilnya banyak penulisan berkaitan kritikan dalam kesusasteraan Melayu. Malahan juga, medium penyampai dalam kesusasteraan Melayu ini bukan hanya terbatas pada genre novel, cerpen, drama dan puisi sahaja tetapi turut terungkap dalam penulisan komik. Didapati terdapat karya kesusasteraan yang diolah dalam bentuk komik bagi menarik minat remaja dan kanak-kanak untuk mengenali karya kesusasteraan.

Penggunaan kartun dan komik ini juga diaplikasikan ke dalam buku teks sekolah rendah bagi menarik minat pelajar dan meningkatkan pemahaman berkaitan subjek tersebut. Turut dapat dipastikan surat khabar juga menyediakan ruangan kartun untuk menyampaikan mesej dan sindiran seperti akhbar *Utusan*. Perkara ini sedikit sebanyak telah menggalakkan perkembangan industri penerbitan sehingga munculnya syarikat penerbitan dan persatuan penulisan yang mengeluarkan banyak bahan bacaan bercetak disebabkan permintaan yang sangat tinggi dalam pasaran.

Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Fajar Bakti, Telaga Biru, Tinta Press Sdn. Bhd dilihat antara penerbit yang giat mengeluarkan buku-buku ilmiah dan majalah motivasi di pasaran. Selain itu, penerbit seperti Animonsta Studios Sdn. Bhd, Visi Kreatif Publication Sdn. Bhd, Ana Muslin Sdn. Bhd, NYLA Sdn. Bhd serta banyak lagi syarikat lain yang turut mengeluarkan majalah hiburan ataupun komik di pasaran. Perkembangan ini sebenarnya dilihat sebagai suatu gambaran positif dalam bidang penulisan namun begitu terdapat sebilangan syarikat penerbitan yang sudah mula meminggirkan nilai-nilai mendidik masyarakat demi kepentingan ekonomi. Terbitnya majalah hiburan yang menyajikan pelbagai perkara negatif dilihat boleh merosakkan minda pembaca sudah mula memenuhi pasaran tempatan.

Menurut Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Sannusi (2012: 59) memetik kata-kata daripada seorang tokoh bernama Adams (2008), terdapat kajian di United Kingdom yang menyatakan majalah dan komik berkembang pesat dengan peningkatan 72 peratus dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini dengan nilai pasaran sebanyak 136 juta setahun. Perkembangan industri penerbitan Malaysia juga semakin meningkat dengan penghasilan majalah dan komik bertujuan untuk hiburan dilihat

kini tidak hanya tertumpu kepada golongan dewasa namun sudah ada penerbitan majalah dan komik untuk kanak-kanak di pasaran.

Bahan bacaan kanak-kanak di Malaysia telah diterbitkan semenjak akhbar dan majalah muncul di negara ini. Ezaleila Mustafa dan Shahrul Sannusi turut (2012: 59), menyatakan penerbit ketika itu berusaha dalam menegakkan idealisme dan dasar editorialnya dari segi kandungan majalah dengan mementingkan kemajuan ilmu. Perkembangan ini mementingkan unsur-unsur pendidikan dan juga menitik beratkan ruangan dalam majalah seperti ruang motivasi, aktiviti pelajar, komik dan ruangan pendidikan. Mereka berpendapat majalah merupakan salah satu bentuk bahan bacaan berkala yang sentiasa berubah dan berkembang daripada segi bacaan umum sehinggalah pengkhususan daripada segi kandungan dan khalayaknya.

Medium komik dapat menarik minat pembaca daripada pelbagai golongan khususnya generasi muda yang melihat bahan bacaan ini mampu memberikan hiburan dan bersifat santai serta menarik. Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 117), dalam buku bertajuk *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia* menyatakan Perpustakaan Negara telah menjalankan kajian yang dilaksanakan oleh Frank Small & Associates mendapati sebanyak 79% kanak-kanak antara usia 5 tahun hingga 9 tahun sudah boleh membaca dan daripada jumlah ini hanya 56% sahaja yang mempunyai tabiat membaca. Menurutnya lagi, bahan bacaan utama kanak-kanak pada seusia ini ialah komik. Hal ini menunjukkan medium komik sebagai bahan bacaan pertama kanak-kanak yang perlu dipandang serius terhadap kualiti dan kandungannya daripada perkara-perkara yang dapat merosakkan pemikiran anak-anak.

Selain itu, Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Sannusi (2012: 59), turut memetik kata-kata Cullinan dan Person (2005) bahawa majalah dilihat sebagai satu cara untuk menyuburkan minat membaca dalam diri kanak-kanak di samping menggunakan masa dengan aktiviti yang berguna sebagai satu perbuatan positif. Majalah juga mempunyai keupayaan untuk “berkomunikasi” dengan kumpulan pembaca yang khusus serta mengikat mereka dengan pengalaman, kesetiaan dan jangkaan di samping bertindak balas dengan trend budaya. Membaca bahan bacaan dapat memperkayakan kehidupan kanak-kanak melalui pembangunan kognitif dan membantu mereka dalam berbahasa. Berdasarkan kenyataan ini medium komik juga terbukti boleh meningkatkan tahap pembacaan kanak-kanak melalui tabiat atau sifat suka membaca. Komik pada suatu ketika dulu pernah dianggap sebagai bahan bacaan semata-mata untuk mendapatkan kepuasan hiburan dan juga mampu menyekat pemikiran pembaca untuk berkembang.

Namun kini telah berubah peranannya menjadi suatu media kritikan dan medium menyampaikan nasihat kepada khalayak. Komik mempunyai pengaruh yang tersendiri dan kebanyakan komik pada masa kini telah menerapkan nilai-nilai positif kepada pembaca dan boleh memupuk sikap seperti rajin membaca serta mendorong kepada mencintai ilmu. Menurut Abdul Ghani Abu (2010: 14), yang memetik kata-kata seorang pelukis komik bernama Mohd Nazry Abdul Salam berpendapat bahawa komik mampu memberi kesan positif kepada remaja, selain boleh menjadi sumber

inspirasi, motivasi dan pemangkin semangat kepada generasi muda. Pandangan ini sudah pasti dapat mengubah persepsi masyarakat kepada bahan bacaan seperti komik dalam menyampaikan pendidikan kepada khalayak.

Menurut Fadzilah Abd. Rahman (2012: 13), mutakhir ini suatu keadaan yang tidak dijangka telah berlaku apabila majalah komik diangkat menjadi bahan bantu belajar di negara maju seperti di Jepun, Korea dan Australia. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti komik telah memberi impak dan pandangan baru terhadap medium komik yang dahulunya pernah dilihat sebagai bahan bacaan ringan atau bahan bacaan bersifat picisan. Komik tempatan iaitu *Kampung Boy* hasil karya Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali dengan nama samaran Lat telah dipilih sebagai bahan bantu mengajar di Australia. Perkara ini telah memartabatkan lagi penghasilan komik tempatan apabila *Kampung Boy* diangkat ke taraf antarabangsa. Dengan adanya pengiktirafan seperti ini dapat membuktikan bahawa terdapat sesuatu yang penting terkandung dalam komik tersebut sehinggakan menarik perhatian masyarakat pada peringkat antarabangsa.

Namun begitu masih lagi terdapat jurang perbezaan antara para ilmuwan dengan kelompok ibu bapa terhadap kelebihan yang dimiliki medium komik. Perkara ini menyebabkan ibu bapa masih lagi melarang anak-anak mereka untuk membaca komik walaupun diketahui medium ini sudah berubah peranannya. Sehubungan itu, Mulyadi Mahamood (2003: 125), menyatakan majalah dan komik di Malaysia mula disiarkan dalam akhbar Melayu di Malaysia pada sekitar tahun 1930-an. Antara akhbar utama pramerdeka ialah *Warta Jenaka*, *Utusan Zaman*, dan *Majlis* memuatkan ruangan komik sebagai sebahagian daripada penerbitannya. Selepas merdeka, komik dan majalah terus berkembang dalam akhbar lain seperti *Berita Harian*, *Berita Mingguan*, *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*. Menurut Ruzaini Awang (2013: 28), kemunculan para kartunis yang hebat ketika itu seperti Raja Hamzah, K. Bali, Osman Kangkong, Mohd Sallehuddin, Halim Teh, Yusuf Sharif dan juga Hashim Awang telah mewarnai industri komik.

Pada era 60-an muncul lebih ramai kartunis hasil daripada penerbitan majalah *Filem* yang telah menyediakan ruangan sebanyak dua halaman untuk kartunis berkarya. Antara bakat baru yang telah dilahirkan ialah Rejabhad, Lat, Syukur Lin, Ade, Mohd Radi Hanif, Shahary dan Wahadi serta Hussain Saad. Hussain Saad dengan karyanya *Wak Dojer* telah mendapat sambutan dalam kalangan pembaca. Terdapat juga majalah komik yang berjaya diterbitkan pada masa itu, berjudul *Ha Hu Hum* karya Rejabhad pada tahun 1974. Seterusnya, pada tahun 1978 *Majalah Gila-Gila* pula diterbitkan atas usaha gigih Mishar, Jaafar Taib, Zainal Buang Hussein dan Azman Yusuf. Para kartunis ini berjuang untuk mengangkat komik sehingga berjaya mendapat tempat teratas di hati pembaca daripada semua peringkat masyarakat.

Penerbitan majalah dan komik kini dilihat semakin meningkat. Ini membuktikan minat membaca dalam kalangan masyarakat juga turut seiring dengan perkembangan tersebut. Oleh itu, penerapan nilai Islam juga perlu ditingkatkan sebagai usaha untuk mendidik masyarakat khususnya generasi muda. Menurut Sidek Baba (2003: 133),

manusia memerlukan pedoman bagi mengetahui sesuatu itu “buruk” atau “baik”, “salah” atau “benar”, “halal” atau “haram”, “dosa” atau “pahala”, “bermanfaat” atau “musibat”. Nilai daripada Allah S.W.T diutus kepada manusia adalah untuk kepentingan manusia itu sendiri. Kegiatan penyebaran ilmu ini memerlukan suatu medium yang berkait rapat dengan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak dan remaja. Ini kerana kanak-kanak dan remaja akan menjadi pemangkin terhadap pembangunan bangsa, negara dan agama. Penerapan ilmu bersumber Islam ini perlu dilakukan terhadap masyarakat sejak usia muda lagi seperti dalam pepatah Melayu “melentur buluh biar dari rebung” menunjukkan bahawa pendidikan dan pembentukan sahsiah diri perlu bermula seawal usia kanak-kanak.

Sehubungan itu, perkembangan sastera Islam juga telah mempengaruhi dunia penulisan kesusasteraan tanah air. Aspek agama Islam yang diperturunkan ke dalam kesusasteraan Melayu telah melahirkan bidang kesusasteraan Islam di Malaysia. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 1), perkembangan kesusasteraan Islam di Malaysia bermula seawal 1970-an. Perkembangan ini telah melahirkan banyak karya yang berunsur Islam oleh penulis-penulis tempatan. Perkara ini juga disokong dengan adanya pihak-pihak tertentu yang menganjurkan peraduan, anugerah dan hadiah telah menyemarakkan penulisan karya berunsur Islam.

Gabungan antara Islam dengan sastera membawa kesan yang baik dalam perkembangan sastera tanah air. Sementelahan itu, pergerakan dakwah Islamiah yang dilakukan oleh golongan mahasiswa seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) berjuang untuk merubah sastera Melayu ke arah keislaman memberi impak yang positif dalam dunia kesusasteraan. Hal ini, turut disokong oleh beberapa badan penulis misalnya Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GEPENA) dengan kerjasama Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA) yang menganjurkan Simposium Sastera dan Agama pada 28-29 Julai 1973 di Kuala Terengganu membuktikan kesungguhan golongan sastera mengangkat kedudukan sastera Islam.

Perkembangan ini turut disokong oleh badan agama dan dakwah seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang memainkan peranan memperkukuhkan kedudukan Islam dalam kegiatan dakwah terhadap masyarakat tempatan. Lantaran itu, teretusanya semangat antara golongan sastera untuk menubuhkan Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) pada 30 Mei 1976 bagi menarik minat penulis-penulis ke arah kesusasteraan Islam dan membangunkan kesusasteraan Islam di Malaysia. Perkembangan sastera Islam semakin meningkat dengan terbitnya banyak buku-buku berkaitan sastera Islam. Antaranya, Shahnnon Ahmad dengan bukunya *Kesusasteraan dan Etika Islam*, Rizi S.S bukunya berjudul *Beberapa Aspek Sastera Islam*, Mana Sikana dengan bukunya yang bertajuk *Sastera Islam di Malaysia* dan banyak lagi buku-buku yang diterbitkan berkaitan sastera Islam.

Penguatan ini telah melahirkan suatu cabang baharu dalam kesusasteraan tanah air yang dapat meningkatkan mutu karya sastera sebagai wadah mendidik masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja. Kelebihan yang diperoleh melalui gabungan sastera dan Islam menjadikan genre novel, puisi, cerpen dan drama lebih bermanfaat.

Penerapan ilmu agama dalam karya sastra mampu menarik hati pembaca dalam mempelajari dan memperkuat jiwa Islam dalam kehidupan. Lantaran itu, komik juga perlu dipertingkatkan supaya berada sebaris dengan genre lain dalam mendidik masyarakat. Komik yang kini sudah berubah peranannya dan perlu dipandang serius oleh masyarakat sebagai sebuah genre sastra kerana kemampuannya dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Oleh itu, penerapan unsur Islam dalam penulisan komik merupakan suatu langkah yang terbaik supaya medium komik dilihat sebagai bentuk bahan bacaan yang bermanfaat seperti genre puisi, novel, cerpen dan drama.

1.2 Penyataan Masalah

Medium komik dicipta bukan semata-mata untuk hiburan tetapi juga bertujuan untuk menyampaikan mesej pengarang kepada khalayak. Pendekatan dalam komik diketahui mampu menyampaikan unsur pengajaran dan sindiran secara mudah dan berhemah. Oleh itu, terdapat beberapa pandangan berbeza berkaitan komik sehinggakan masyarakat menolak medium komik sebagai saluran yang mampu memberikan dan menanamkan nilai-nilai kebaikan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja. Ruzaini Awang (2012: 8), menyatakan terdapat golongan masyarakat yang beranggapan bahawa bahan bacaan seperti komik sebagai bahan bacaan yang bersifat picisan dan kurang bermoral. Selain menyatakan terdapat golongan ibu bapa yang beranggapan bahan bacaan ini akan menjejaskan daya perkembangan minda anak-anak mereka.

Netty Ah Hiyer (2001: 9) turut menyatakan tidak semua guru menganggap komik dan kartun sebagai bahan pengajaran yang baik. Penggunaan komik dan kartun boleh menyebabkan pelajar-pelajar sekolah berkhayal untuk melakukan fantasi seperti yang digambarkan oleh watak-watak komik. Kanak-kanak juga mampu meniru perlakuan watak-watak tersebut dan tidak mustahil aksi-aksi luar kawalan juga boleh dilakukan oleh pelajar sekolah rendah. Selain itu, Yusaida Yusof dan Ruzaiti Abdul Rani (2008: 14), turut menegaskan bahawa masyarakat lebih gemar membaca bahan bacaan yang bersifat picisan seperti majalah hiburan dan komik yang tidak berupaya menambahkan ilmu pengetahuan.

Hal ini juga ditegaskan oleh Azman Anuar (1994: 25) yang berpendapat budaya pembacaan majalah komik dan kartun cukup merisaukan ibu bapa. Mereka bimbang anak-anak terpengaruh membaca komik sahaja dan lupa kepada buku pelajaran. Para ibu bapa bimbang majalah komik dapat merosakkan minda kanak-kanak dan tidak menyumbang kepada idea kreatif dalam diri. Selain turut menyatakan majalah komik dan kartun tidak memberi sumbangan kepada pencetusan idea dan pemikiran positif masyarakat. Namun dilihat kini terus berkembang mencuri minat pembaca dari satu generasi ke generasi.

Berdasarkan pandangan tokoh tersebut jelas memperlihatkan medium komik sememangnya tidak memberi kesan kebaikan kepada pembaca namun dipastikan

dalam *Majalah Dewan Pelajar* turut mengandungi komik untuk para pembacanya malah turut menyediakan ruangan untuk kanak-kanak berkarya dalam genre ini. Menurut Fadzilah Abd. Rahman (2012: 13), kepelbagaian pendekatan menggunakan komik di negara maju berjaya melahirkan cendekiawan dalam pelbagai bidang. Hal ini disebabkan murid dididik menggunakan pelbagai medium interaktif seperti komik yang terbukti membawa kesan besar dalam proses pendidikan. Pertentangan pendapat daripada setiap tokoh ini telah menimbulkan permasalahan yang perlu diselesaikan. Kajian perlu dilakukan bagi membuktikan medium komik sememangnya mempunyai nilai yang mampu mendidik, membentuk dan membina sahsiah diri kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja.

Perbezaan pendapat ini pastinya akan membimbangkan masyarakat semasa menilai manfaat yang dimiliki medium komik. Justeru itu, kajian ini akan membuktikan terdapatnya nilai kebaikan dalam medium komik. Nilai kebaikan amat berkait rapat dengan keagamaan dan jelas bahawa setiap agama menyeru seluruh penganutnya untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan. Sementelahan pula, agama Islam merupakan agama rasmi yang tertakluk dalam perlembagaan negara dan majoriti penduduk di negara ini beragama Islam. Oleh itu, perkara ini telah mempengaruhi penulisan khususnya dalam kesusasteraan Melayu di tanah air.

Secara umumnya, kesusasteraan Melayu mempunyai pelbagai genre penulisan yang mendapat sambutan dalam masyarakat. Hal ini dapat diperhatikan menerusi genre sastera seperti cerpen, novel, puisi dan drama. Usaha pengarang menerapkan konsep keagamaan dalam penulisan khususnya agama Islam telah melahirkan bidang kesusasteraan Islam. Puisi, novel, cerpen dan drama dalam kesusasteraan Islam telah meningkat darjatnya sebagai suatu genre yang menyampaikan unsur kebaikan kepada masyarakat khususnya nilai Islam. Justeru itu, perkara ini perlu ditekankan kepada medium komik yang sememangnya dapat memberi manfaat kepada pembaca. Komik diketahui telah berubah peranan daripada bahan hiburan semata-mata kepada medium yang mendidik masyarakat. Lantaran itu, kajian nilai Islam dalam komik dilihat bertepatan supaya dapat memenuhi tuntutan keilmuan dalam masyarakat terutamanya bahan bacaan yang mendidik kanak-kanak dan remaja.

Di samping itu, kajian nilai Islam dalam komik dilakukan adalah kerana terdapat ruang kosong yang perlu diisi bagi membuktikan kebaikan medium komik kepada masyarakat. Ketiadaan kajian berkaitan nilai Islam dalam komik *Majalah Dewan Pelajar* perlu diselesaikan kerana majalah ini merupakan majalah dalam kelas semenjak tahun 1990 lagi. Keakraban *Majalah Dewan Pelajar* dengan kanak-kanak tidak dapat disanggah lagi dan perlu diambil serius kerana komik dalam ini boleh mempengaruhi minda dan jiwa kanak-kanak.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini terbina bertujuan untuk menghuraikan nilai Islam yang terkandung di dalam komik *Majalah Dewan Pelajar*:

- 1) Sejauh manakah komik *Majalah Dewan Pelajar* mengandungi nilai Islam?
- 2) Apakah nilai Islam yang terkandung dalam komik *Majalah Dewan Pelajar*?

1.4 Objektif Kajian

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai objektif kajian seperti berikut:

- 1) Menenal pasti nilai Islam yang terdapat dalam komik *Majalah Dewan Pelajar* yang dipilih.
- 2) Menganalisis nilai Islam yang terdapat dalam komik *Majalah Dewan Pelajar* yang dipilih.

1.5 Kepentingan Kajian

Sesebuah kajian yang dilakukan sudah pasti mempunyai matlamat serta kepentingan tersendiri. Hasil dapatan daripada setiap kajian akan memberi kesan kepada individu mahupun kepada sesebuah organisasi. Justeru itu, hasil dapatan dari setiap kajian ini akan menjadi ilmu baru dalam bidang ilmiah dan mampu dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji baharu. Antara individu yang akan mengambil manfaat daripada kajian ini ialah pengkaji, pelajar, ibu bapa, pengkaji yang berkaitan serta masyarakat yang mementingkan ilmu seperti pendidik.

Sejajar dengan itu, kajian ini berkepentingan kepada pengkaji, dengan terhasilnya kajian ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta dapat mendalami ilmu berkaitan dengan nilai Islam. Penerapan al-Quran dan al-Sunnah dalam kajian ini sedikit sebanyak memberi pengajaran dan pedoman kepada pengkaji untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan. Kajian ini turut berperanan kepada pelajar sebagai panduan untuk menilai dan meneliti sesuatu perkara yang perlu diberi perhatian dalam kehidupan seperti hubungan dengan Allah S.W.T serta hubungan sesama manusia. Penerapan nilai Islam dalam kajian ini akan memberi lebih kejelasan kepada pelajar untuk membezakan sesuatu perkara yang baik dengan yang salah.

Kajian ini juga berkepentingan kepada golongan ibu bapa dalam mendidik anak-anak yang sedang meningkat dewasa. Proses perkembangan anak-anak sudah pasti akan menempuh pelbagai dugaan dan permasalahan. Naluri rasa ingin tahu yang tinggi dalam diri mereka akan menyebabkan kesukaran untuk mendidik serta membentuk

anak-anak seperti yang diinginkan. Oleh itu, golongan ibu bapa perlu bijak memilih bahan dalam mendidik anak-anak supaya pemikiran dan pembentukan sahsiah diri tidak tercemar. Dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa untuk memahami serta memilih bahan yang sesuai dengan perkembangan anak-anak mereka. Penerapan medium komik yang berunsur Islam seharusnya diketengahkan kepada anak-anak supaya nilai Islam ini terdedah seawal usia kanak-kanak lagi.

Selain itu, kajian ini juga berkepentingan kepada pendidik dalam meningkatkan kualiti serta keberkesanan dalam membentuk sahsiah murid-murid. Dilihat kini nilai-nilai dalam diri remaja yang kian meruncing disebabkan pengaruh media massa serta kekurangan pendidikan berkaitan nilai-nilai Islam. Para pendidik seharusnya memainkan peranan dalam memupuk minat pelajar supaya mendalami nilai-nilai berkaitan agama yang pastinya dapat membuka akal fikiran mereka untuk berubah sekali gus menghindar dari budaya yang tidak sihat. Terhasilnya kajian ini para pendidik akan lebih memahami dan memanfaatkan medium komik yang berunsur Islam dalam membentuk pelajar.

Kajian ini juga mampu memberikan pendedahan kepada masyarakat pembaca tentang kebaikan dan kelebihan sesuatu ilmu yang terdapat dalam medium komik. Masyarakat juga dapat mengetahui tentang kebaikan yang terkandung dalam sesuatu bahan bacaan khususnya bahan yang dipandang sebagai bacaan ringan dan kurang memberi manfaat. Dapat juga diperkatakan bahawa kajian ini turut berkepentingan kepada syarikat-syarikat penerbitan.

Syarikat penerbitan komik khususnya dapat menambah baik penghasilan karya komik mereka supaya mempunyai nilai tambah seperti nilai Islam yang mampu memberi manfaat kepada para pembaca. Penerapan nilai Islam dapat mengangkat martabat sesebuah medium komik supaya lebih bermutu dan berpendidikan dalam menyampaikan buah bicara atau idea-idea kepada masyarakat pembaca. Selain itu, dengan adanya kajian ini para kartunis juga dapat menggubah cara penyampaian atau gaya penulisan komik agar dilihat sebagai suatu bahan yang boleh memberi ilmu serta dapat mengubah persepsi golongan ibu bapa terhadap medium komik.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada komik yang terkandung dalam *Majalah Dewan Pelajar* iaitu komik *Di dan Pi* dan komik *DP*. Menurut laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, *Majalah Dewan Pelajar* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (DBP) dan disiarkan pada setiap bulan untuk bacaan masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja sejak dari tahun 1967-an. *Majalah Dewan Pelajar* ini juga berkonsepkan akademik dan telah menjadi majalah dalam kelas semenjak tahun 1990 lagi. Perkara ini juga tertulis di muka hadapan *Majalah Dewan Pelajar* pada setiap keluaran.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai Islam yang terdapat dalam komik *Di dan Pi*, dan komik *DP* yang diterbitkan sepanjang tiga tahun mutakhir, bermula daripada tahun 2012, tahun 2013 dan tahun 2014 sahaja. Pemilihan tahun penerbitan ini adalah kerana komik *DP* mula diterbitkan dalam *Majalah Dewan Pelajar* pada tahun 2012, manakala pemilihan komik *Di dan Pi* pula disebabkan keselarasan tahun pengambilan bahan kajian iaitu komik *DP*. Perkara ini dibuktikan melalui analisis yang dilakukan ke atas kesemua *Majalah Dewan Pelajar* yang diterbitkan bermula daripada tahun 1967 sehingga kini.

Pemilihan ini juga adalah kerana merujuk kepada perkembangan semasa teori Takmilah. Terdapat perkembangan yang menggalakkan berkaitan teori Takmilah apabila banyak seminar berkaitan teori ini telah dilakukan pada tahun tersebut. Antaranya, Seminar Teori Dan Kritikan Sastera Malaysia pada 28-29 September 2012 di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seminar Sastera dan Kekuasaan, HISMA II Himpunan Ilmuan Sastera Melayu Malaysia Kedua 2013 pada 4-5 Oktober 2013 di Auditorium Utama, UPSI. Wacana Teori dan Kritikan Sastera kedua 2014 yang bertajuk Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran pada 27 Mac 2014 di Dewan Seminar, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Perkembangan teori Takmilah pada tiga tahun berikut juga dapat memperkukuhkan lagi batasan bahan tersebut kerana teori Takmilah merupakan asas kepada kajian ini.

Dipastikan pemilihan komik selama tiga tahun ini berjumlah 36 buah bagi komik *Di dan Pi* serta 36 buah untuk komik *DP*. Komik ini diterbitkan pada setiap bulan dalam *Majalah Dewan Pelajar* dengan menggunakan tajuk *Di dan Pi* untuk komik *Di dan Pi* manakala komik *DP* pula mempunyai tajuk tersendiri pada setiap keluaran. Perkara ini akan dijelaskan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 1: Tahun 2012

Bil.	Bulan	Komik <i>Di dan Pi</i>	Komik <i>DP</i>
1	Januari	Di dan Pi	Tahun Baharu, Semangat Baru
2	Februari	Di dan Pi	Hari Sukan Sekolah
3	Mac	Di dan Pi	Percutian Inap Keluarga
4	April	Di dan Pi	Janji Fifi
5	Mei	Di dan Pi	Kembara Ke Angkasa
6	Jun	Di dan Pi	Hero Malaya
7	Julai	Di dan Pi	Ramadan Datang Lagi
8	Ogos	Di dan Pi	Ziarah Raya
9	September	Di dan Pi	Didi kena Tangkap!
10	Oktober	Di dan Pi	Ramesh Jadi Hero
11	November	Di dan Pi	Kisah Si Tanggang
12	Disember	Di dan Pi	Berkhemah Di Sungai Congkak

Jadual 2: Tahun 2013

Bil.	Bulan	Komik <i>Di dan Pi</i>	Komik <i>DP</i>
1	Januari	Di dan Pi	Kembali Ke Sekolah
2	Februari	Di dan Pi	Juara Sifir
3	Mac	Di dan Pi	E-Buku
4	April	Di dan Pi	Berpesta Di Pesta Buku
5	Mei	Di dan Pi	Rahsia Hadiah
6	Jun	Di dan Pi	Teratak Kasih
7	Julai	Di dan Pi	Ramesh Ramesh
8	Ogos	Di dan Pi	Sambutan Hari Merdeka
9	September	Di dan Pi	Di Manakah Pensel Fifi
10	Oktober	Di dan Pi	Pemeriksaan Gigi
11	November	Di dan Pi	Murid Cemerlang
12	Disember	Di dan Pi	Tanjung Karang, Kami Datang

Jadual 3: Tahun 2014

Bil	Bulan	Komik <i>Di dan Pi</i>	Tajuk Komik <i>DP</i>
1	Januari	Di dan Pi	Oh, Oh, Fifi Tak Sabar!
2	Februari	Di dan Pi	Tabungan Dicuri
3	Mac	Di dan Pi	Banjir!
4	April	Di dan Pi	E-buku
5	Mei	Di dan Pi	Sambutan Hari Guru
6	Jun	Di dan Pi	Cuti-cuti Malaysia
7	Julai	Di dan Pi	Akibat Mercun
8	Ogos	Di dan Pi	Kejutan Merdeka!
9	September	Di dan Pi	Akibat Terlebi Jeruk
10	Oktober	Di dan Pi	Jangan Membazir
11	November	Di dan Pi	Ramesh Bertuah
12	Disember	Di dan Pi	Berkhemah Di Tepi Air Terjun

1.7 Teori Takmilah


Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Beliau merupakan mantan pensyarah di Jabatan Pesuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga merupakan mantan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan (ADUN) Negeri Selangor, kawasan Kajang. Shafie Abu Bakar mempunyai latar belakang pendidikan yang berasaskan sekolah agama dan kesusasteraan telah menghasilkan banyak tulisan tentang falsafah, agama dan sastera. Hal ini, dilihat apabila ijazah doktor falsafahnya juga berkaitan dengan keagamaan dan tasawuf Islam. Penggunaan perkataan *takmilah* yang bermaksud penyempurnaan pada dasarnya ialah *Kamal* yang berhubungan dengan perkataan *Tajmilah* dan *Jamal*. Kertas kerja teori ini pertama kali dibentangkan di Port Dickson pada 26-31 Oktober 1992 dalam seminar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala

Lumpur yang bertajuk “Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid”.

Selama tempoh 10 tahun (1992-2002) Shafie Abu Bakar telah memperkenalkan Teori Takmilah ini telah menghasilkan banyak perbincangan, hujahan, seminar dan perbahasan yang dilakukan mengenainya. Teori Takmilah ini mempunyai tujuh prinsip yang menjadi dasarnya iaitu yang pertama prinsip ketuhanan bersifat *Kamal* (Kesempurnaan), kedua prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* (yang sempurna), ketiga prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (lebih sempurna), keempat prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul* (menyempurnakan), kelima prinsip sastera sendiri yang bercirikan estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), keenam prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri (menyempurnakan) dan yang terakhir ialah prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (yang sempurna).

Penggunaan teori Takmilah ini akan diperlihatkan dalam bentuk susunan tingkat supaya lebih mudah untuk difahami strukturnya. Rangka teori ini dirujuk dan diringkaskan daripada hasil tulisan Kamariah Kamarudin dalam bukunya bertajuk *Takmilah Dalam Novel Melayu* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada tahun 2011:

Rangka Teori: Tujuh Prinsip Teori Takmilah



(Dipetik daripada Kamariah Kamarudin: 2011)

1.8 *Ihya Ulumiddin*

Sehubungan itu, kajian ini akan menerapkan pendekatan dalam kitab *Ihya Ulumiddin*. Kitab *Ihya Ulumiddin* merupakan karangan Imam al-Ghazali merupakan sebuah kitab yang termasyhur dalam keilmuan Islam. Tajuk kitab *Ihya Ulumiddin* bermaksud menghidupkan kembali pengetahuan agama dipilih bertujuan untuk mengerakkan kembali keilmuan Islam yang hampir hilang dengan pengaruh falsafah Yunani khususnya falsafah Aristotle. Bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W kitab ini menjelaskan berkaitan ilmu yang dapat menghidupkan iman seseorang dari segi jasmani dan rohani.

Kitab *Ihya Ulumiddin* ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Ismail Yakub SH kepada lapan buah jilid yang diterbitkan pada tahun 1988. Imam al-Ghazali telah mengarang kitab ini dengan membahagikan kepada empat bahagian besar iaitu bahagian (*rubu'*) peribadatan (*rubu' ibadah*) kedua bahagian (*rubu'*) pekerjaan sehari-hari (*rubu' adat kebiasaan*) ketiga bahagian (*rubu'*) perbuatan yang menyelamatkan (*rubu' al-Munjiyat*) dan yang terakhir bahagian (*rubu'*) perbuatan yang membinasakan (*rubu' al-Mahlikat*). Perkara ini akan diterangkan dengan lebih jelas pada bab 3:

1.9 Definisi Konsep

Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi penjelasan berkaitan tentang kata kunci kajian iaitu “Nilai Islam” dan “Komik”. Pendefinisian ini akan diberi berdasarkan pandangan tokoh supaya dapat difahami secara jelas berkaitan kajian:

- i. Nilai Islam
- ii. Komik

1.9.1 Nilai Islam

Menurut Sidek Baba (2003: 126), nilai Islam bermaksud nilai yang datangnya daripada Allah S.W.T bertujuan untuk memandu, mempedoman, mengarah cara terbaik bagaimana harus berlakunya sesuatu. Justeru itu, nilai Islam merupakan satu kesedaran tentang apa yang buruk dan apa yang baik, apa yang betul apa yang salah.

Selain itu, Mohd Rosli Saludin (2007: 51) nilai Islam ialah nilai yang bukannya ditentukan oleh manusia tetapi oleh Allah S.W.T yang disampaikan kepada manusia melalui wahyu. Nilai-nilai ini bersifat mutlak, muktamad dan kekal abadi.

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993: 121) pula, nilai yang menyentuh kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta cara atau amalan hidup yang baik yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang berteraskan kepercayaan adanya Tuhan atau Yang Maha Kuasa. Maka daripada keseluruhan pandangan tokoh di atas, jelaslah nilai Islam merupakan nilai yang telah diwahyukan kepada seluruh hamba-Nya bertujuan untuk membawa manusia ke arah kebaikan selaras dengan kehendak agama Islam.


1.9.2 Komik

Seterusnya, akan dijelaskan tentang maksud “komik”. Menurut Fadzilah Abd. Rahman (2012: 31), komik sebagai “jalur kartun” yang merupakan suatu siri pendek ilustrasi kartun mengikut urutan.

Selain itu, Ruzaini Awang (2012: 8), menjelaskan komik merupakan medium grafik yang digambarkan sebagai watak, iaitu lukisan yang disusun dalam petak. Petak tersebut akan menggambarkan peristiwa yang ingin disampaikan dan juga mengandungi ruangan atau belon kata yang berisi dialog supaya watak di dalam komik seolah-olah hidup. Sehubungan itu juga, petak tersebut akan dihasilkan secara berturutan dan berkaitan antara satu petak dengan satu petak yang lain, dan akhirnya akan membentuk satu cerita yang lengkap. Selain itu, beliau juga berpendapat istilah komik sebenarnya daripada perkataan *comic*. Perkataan *comic* dalam bahasa Inggeris membawa maksud lucu.

Malahan, Nor Azleenda Abdul Hadi (2012: 3) juga menyatakan, komik merupakan persembahan lakaran yang membawa motif tertentu, seperti sindiran, humor, kritikan sosial, dan perbincangan isu semasa secara terus terang atau secara kiasan yang mengandungi kecerdikan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa komik merupakan lakaran yang membawa motif-motif tertentu dengan tujuan untuk menyampaikan ilmu atau menggambarkan pemikiran para pelukisnya. Berdasarkan pandangan daripada tokoh-tokoh di atas jelas difahami bahawa nilai Islam dalam komik dapat diertikan sebagai lakaran atau lukisan yang disusun bagi menyampaikan nilai-nilai kebaikan dan nasihat kepada masyarakat khususnya kepada golongan kanak-kanak dan remaja. Seterusnya, kajian akan memperlihatkan rangka konseptual seperti di bawah:

1.10 Rangka Konseptual



1.10.1 Proses Kajian

Berdasarkan kerangka di atas, kajian bertajuk “Nilai Islam dalam Komik *Majalah Dewan Pelajar*” ini akan meneliti 72 buah komik iaitu 36 buah komik *Di dan Pi* dan 36 buah komik *DP*. Komik ini terdapat dalam *Majalah Dewan Pelajar* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Kajian ini terbatas kepada *Majalah Dewan Pelajar* yang diterbitkan pada tiga tahun mutakhir iaitu tahun 2012, tahun 2013 dan tahun 2014. Setiap komik diterbitkan pada setiap bulan menggunakan tajuk *Di dan Pi* bagi komik *Di dan Pi* manakala komik *DP* mempunyai tajuk tersendiri pada setiap bulan.

Pemilihan komik bermula tahun 2012 adalah kerana tahun pertama penyiaran komik *DP* dalam *Majalah Dewan Pelajar*. Perkara ini dibuktikan melalui analisis yang dilakukan terhadap *Majalah Dewan Pelajar* bermula tahun 1967 sehingga kini. Selain itu, pemilihan komik *Di dan Pi* pula kerana kesejajaran pemilihan komik *DP* pada tahun 2012. Didapati bahawa komik *Di dan Pi* merupakan hasil karya sepenuhnya oleh pelukis bernama Imuda manakala komik *DP* ini mempunyai empat orang pelukis yang saling bertukar antaranya ialah N. Maza, Pok Lin, Kak Lia dan Laila.

Kajian ini akan menganalisis nilai Islam yang terdapat dalam komik *Di dan Pi* serta komik *DP* pada tiga tahun terpilih. Nilai Islam ini dikenal pasti melalui proses analisis yang dilakukan terhadap kedua-dua buah komik tersebut sepanjang tiga tahun. Setiap nilai akan dipecahkan kepada dua bahagian besar iaitu hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*). Perkara ini merupakan asas pembentukan teori Takmilah.

Kajian ini turut diperkukuhkan dengan kerangka Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin* yang terpecah kepada empat bahagian utama iaitu bahagian ibadah (*rubu' Ibadah*) berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Manakala bahagian pekerjaan sehari-hari (*rubu' Adat Kebiasaan*), bahagian perbuatan yang membinasakan (*rubu' al-Muhlikat*) dan bahagian perbuatan yang menyelamatkan (*rubu' al-Munjiyat*) terangkum hubungan manusia dengan manusia. Pembahagian ini mempunyai sepuluh sub-topik dijelaskan oleh Imam al-Ghazali dengan menggunakan perkataan “kitab” untuk menerang empat bahagian utama. Namun kajian ini hanya menerapkan beberapa “kitab” sahaja yang bertepatan dengan contoh daripada setiap komik.

Sehubungan itu, kajian ini juga akan mengaplikasikan tiga prinsip teori Takmilah iaitu prinsip keempat, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul* (menyempurnakan), prinsip kelima, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), dan prinsip ketujuh, prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna). Tiga prinsip ini akan digunakan dalam menganalisis nilai Islam daripada komik *Di dan Pi* serta komik *DP* melalui sudut ilmu, estetika karya dan khalayak pembaca.

Analisis teori ini akan menjelaskan nilai Islam dengan melihat hubungan akal dan hati serta kepentingan ilmu kepada pembaca. Selain melihat estetika karya daripada sudut isi dan watak ditekankan bagi menjelaskan kepentingannya dalam mempengaruhi pembaca. Daripada sudut khalayak pembaca pula melihat tugas masyarakat dalam mendidik keluarganya menjadi seseorang Muslim bertakwa dan mengabdikan diri kepada Yang Maha Esa. Didapati, kajian ini juga akan membuktikan nilai yang terdapat dalam komik *Di dan Pi* serta komik *DP* lebih menjurus kepada hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) atau hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*).

1.11 Kesimpulan

Pendidikan agama dalam masyarakat perlu dipelajari sebagai langkah dalam menghadapi cabaran masa kini yang dilihat semakin membimbangkan. Ilmu agama perlu dipelajari oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira golongan muda ataupun tua. Pembelajaran ilmu agama ini boleh diperoleh seperti di kuliah-kuliah agama, masjid mahupun melalui pembacaan kitab agama. Lantaran itu, kanak-kanak juga tidak terlepas daripada mendapat pendidikan agama yang khusus seperti di sekolah seperti subjek pendidikan Islam dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di sebelah petang. Dilihat perkara ini perlu dipertingkatkan, tidak hanya usaha mendidik di sekolah sahaja malahan perlu diterapkan sejak dari rumah lagi. Oleh itu, ibu bapa perlu menyediakan bahan yang dapat membantu perkembangan minda kanak-kanak. Ini kerana generasi muda merupakan golongan yang akan memacu pembangunan negara pada masa hadapan.

Pemilihan bahan yang dapat mendidik mereka perlu dipertingkat dengan kesesuaian keadaan pembesaran mereka. Tanggungjawab ini tidak hanya tertumpu kepada para pendidik di sekolah namun pendidikan di rumah juga perlu diperkasakan. Ibu bapa mempunyai peranan yang besar dalam memantau perlakuan anak-anak supaya tidak terdedah kepada budaya yang tidak sihat. Pengawasan dari segi hiburan di media sosial dilihat perlu diberi perhatian kerana unsur-unsur negatif ini lebih terdedah dan mudah diperoleh oleh anak-anak. Para ibu bapa perlu menanamkan minat membaca dalam diri anak-anak supaya lebih terdidik untuk membaca bahan bacaan bermanfaat seperti komik yang mengandungi unsur-unsur keislaman. Di samping mendapat hiburan mereka juga akan lebih terdedah kepada perkara-perkara kebaikan seperti nilai-nilai agama.

Dalam bab seterusnya kajian ini akan menyorot kembali kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Rujukan terhadap kajian-kajian lepas adalah bertujuan untuk mengenal pasti lompong kosong atau kekurangan yang perlu diisi dalam bidang kajian kini.

BIBLIOGRAFI

- Az-Zikir Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim* (Rasm Uthmani) dalam Bahasa Melayu, 2012. Selangor: Al-Hidayah House Of Quran Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Yusof, 2013. *Pengurusan Pendidikan Islam Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghani Abu, 2010, "Komik Dunia Batinku", dlm. *Dewan Siswa*, Ogos hlm. 14-15.
- Abdul Halim Ali, 2014. *Teori Takmilah Perluasan dan Penaksiran*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Md. Aroff, 2008, *Pendidikan Moral Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993, *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Abdullah, 2007. *Ibu Bapa Baik Anak Bagaimana?*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Ahmad Shalaby, 1977. *Perbandingan Agama Agama Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi, 2014. *Mutiara Ihya Ulumiddin* Bab 1-10. Ipoh: Bukubuku.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi, 2014. *Mutiara Ihya Ulumiddin* Bab 11-17. Ipoh: Bukubuku.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi, 2014. *Mutiara Ihya Ulumiddin* Bab 18-23. Ipoh: Bukubuku.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi, 2014. *Mutiara Ihya Ulumiddin* Bab 24-27. Ipoh: Bukubuku.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi, 2014. *Mutiara Ihya Ulumiddin* Bab 28-35. Ipoh: Bukubuku.
- Ani binti Haji Omar, 2014. *Manusia Sebagai Hamba Dalam Anggur Kehidupan Karya Anismas Ar: Analisis Perspektif Teori Takmilah*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Asiah Abdul Rahman, 2011.

Sastera Melayu Suatu Pengantar. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.

Azman Anuar, 1994. "Komik Malaysia: Karektor Nasionalnya Di Mana" dlm. *Mastika*, September, hlm.24-25.

Bahtiar Mohamad dan Mohammad Khadafi, 2004, *Imej Islam Dalam Media Cetak, Pemikir*, Julai-September, hlm. 77-99.

Charles Lim, 1994. "Komik Mempengaruhi Nilai Masyarakat" dlm. *Mastika*, September, hlm. 17.

Danial Zainal Abidin, 2008. *7 Formula Individu Cemerlang*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Daud Muhammed Salleh, 2007, "Generasi Muda Umat yang Paling Berharga" dlm *Dewan Siswa*. Ogos, hlm 19.

Ernawati binti Jefrey, 2004. *Nilai-nilai Moral dan Akhlak dalam Novel Yang Terindah karya Anis Ayuni*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Fadzilah Abd. Rahman, 2012. "Penggunaan Komik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu", dlm *Pelita Bahasa*, Julai, hlm.12-17.

Faridah binti Mohammad Saad, 2006. *Aplikasi Takmilah dalam Puisi al-Amin*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Haron Din, 2014. *Konsep Perubatan Islam*. Darussyifa Online.

H.O.K Rahmat, 1976. *Asas-Asas Islam*. Kota Baharu: Al-Ahliyah Sdn. Bhd.

H Mod Rifa'I (ed), 1997. *Muhammad Al Ghazali Akhlak Seorang Muslim*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Ibnu Ahmad al-Kurauwi, 2008, "Akikah Memaknakan Sebuah Syukur" , dlm *Dewan Siswa*, hlm.18-19.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 28-29.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 18-19.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 42-43.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 34-35.

Imuda, 2012, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Disember, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 34-35.

Imuda, 2013, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Desember, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 34-35.

Imuda, 2014, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 34-35.

Imuda, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 34-35, 2014.

Imuda, "Di dan Pi" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Disember, hlm. 34-35, 2014.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 1*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 2*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 3*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 4*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 5*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 6*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Ismail Yakub (ed), 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 7*. Kuala Lumpur: Victor Agensi.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2008. *Memasuki Gerbang Perkahwinan Edisi Kedua*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Agama.

Jas Laile Suzana, 2008. *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Arah Pendidikan Sdn Bhd.

Johari bin Bakri, 2011. *Nilai Islam Dalam Seni Persembahan Teater Melayu: Kajian Di Ilham Art Team*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamariah Kamarudin, 2000. *Kumpulan Puisi Wujud: Kajian Berdasarkan Takmilah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamariah Kamarudin, 2006. *Novel-Novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*. Universiti Malaya.

Kamariah Kamarudin, 2010. *Takmilah Dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamariah Kamarudin, 2014. *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Khairul Ghazali, 2009. *Kecendekiawanan Imam Ghazali Ulama Tasawuf dan Akidah*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 2014. *Puisi Mistik dan Kerohanian Bunga-Bungan Suci karya Suhaimi Haji Muhammad Pandangan Takmilah*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maisarah binti Yaacob, 2001. *Ustaz dan Nurul Hidayah: Analisis Takmilah*. Jabatan Persuratan Melayu Fakulti Sains Kemasarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Sidin Ahmad Ishak, 2005. *Perkembangan Sastera Kanak-Kanak Di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Misran Rokimin, 2005, "Pendidikan Moral Menerusi Bacaan Sastera Kanak-Kanak" dlm. *Dewan Sastera*. November, hlm 30.
- Mohammad Bin Bahari, 2003. *Unsur-Unsur Insaniah Di Dalam Novel-Novel Pilihan Azizi Haji Abdullah*. Serdang Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Adid Ab. Rahman, 2010, "Bersedekahlah", dlm *Dewan Siswa*. Mei. hlm. 19.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2007, "Nikmat Bersyukur" dlm. *Dewan Siswa*, April, hlm. 9.
- Mohd Rashid Md Idris, 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Mohd Rosli Saludin, 2007. *Nilai-Nilai Islam dalam Teromba*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Muhyidin, 2011. *Ajaibnya Sedekah Semakin Bersedekah Semakin Kaya*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid, 2006. *Didik Anak Cara Rasulullah S.A.W*. Klang: Klang Book Centre.
- Muliyadi Mahamood, 2007. *Identiti Dan Jati Diri Rakyat Malaysia Dalam Kartun Lat. Pemikir*. Februari-April, hlm. 73-85.
- Muliyadi Mahamood, 2009. *Pemikiran Rejabhad dalam Seni Kartun (Politik Semasa)*. *Pemikir*. Oktober-Disember, hlm.163-177.
- Muliyadi Mahamood, 2009. *Gaya dan Tema Kartun Editotial Melayu*. *Pemikir*. Julai- September, hlm. 193-221.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 50-51.

- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2012, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Disember, hlm. 52-53.
- N. Maza, Emylia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 52-53.
- N. Maza, Emylia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 52-53.
- N. Maza, Laila, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 52-53.
- N. Maza, Laila, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 52-53.
- N. Maza, Laila, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 52-53.

- N. Maza, Kak Lia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2013, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Disember, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Januari, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Februari, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mac, hlm. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, April, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Mei, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Jun, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Julai, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Ogos, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, September, hlm. 52-53.
- N. Maza, Nadzrin Hakim, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Oktober, hlm. 52-53.
- N. Maza, Nadzrin Hakim, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, November, hlm. 52-53.
- N. Maza, Kamal, 2014, "Komik DP" dlm *Majalah Dewan Pelajar*, Disember, hlm. 52-53.

- Netty Ah Hiyer, 2001, “ Komik Sebagai Bahan Pelajaran” dlm. *Dewan Siswa*, September, hlm. 8-10.
- Nor Azleenda Abdul Hadi, 2012, “Komik Bukan Sekadar Bahan Bacaan Picisan” dlm. *Pelita Bahasa*. Julai, hlm. 3.
- Osman bin Haji Khalid (ed), 1997. *Peribadi Muslim Muhammad al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Roosfa Hashim, 2012. Bentuk-Bentuk Budaya Asing Dalam Majalah Dan Komik Remaja Di Pasaran Tempatan. *Jurnal Melayu UKM Journal Article Repository*.
- Ros Zakaria, 2002. *Martabat Nafsu Dalam Novel-Novel Shahnnon Ahmad*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruzaini Awang, 2012, “Komik Bahan Bantu Mengajar” dlm. *Pelita Bahasa*, Julai, hlm. 8-13.
- Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah, 1993. *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsudin bin Suhaili, 2011. *Pendidikan Pelbagai Budaya: Komik Mat Som Sebagai Bahan Bantu Mengajar*. Fakulti Sains Kemanusiaan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samsina binti Abdul Rahman, 1998. *Unsur-Unsur Tasawuf Dalam Puisi-Puisi Melayu Moden Di Indonesia Dan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saniyunis binti Yaacob, 1998. *Unsur-unsur Islam dalam Drama-drama Noordin Hassan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shamsudin bin Abu Bakar, 2006. bertajuk *Analisis Takmilah dalam Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Baba, 2003. Pendekatan Integratif Nilai-Nilai Islam Dalam Sistem Pendidikan. *Pemikir*. Oktober-Disember, hlm. 125-139.
- Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Nazmi Sannusi, 2012. Majalah sebagai Bahan Bacaan Kanak-Kanak: Analisis Elemen Editorial terhadap *Kuntum*, *E-Baca* dan *Ana Muslim*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.
- Siti Rabeah Masri, 2012. *Perbandingan Sahsiah Muslimah dalam Novel-Novel Pilihan*. Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sivachandralingam Sundararaja, 2001. *Pemikiran dan Penulisan Ilmiah*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Sohaimi Abdul Aziz, 2003, *Karikatur dan Perumpamaan Dalam Kawin-kawin. Pemikir*, Oktober- Disember. hlm. 215-226.

Teng Boon Tong, 1984. *Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Walid Mustafa Nas, 1994. *Agama Nan Indah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man (DN)

Yusaida Yusof dan Ruzaiti Abdul Rani, 2008, “ Remaja Gemar Bacaan Ringan”, dlm. *Dewan Siswa*, November, hlm. 14.

Yusof Al-Qaradhwai. 2000. *Kemanisan Iman*. Alih bahasa Mahmud Ahmad. Kuala Lumpur; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Zahara binti Zulkifly, 2001. *Pemikiran dalam Puisi-puisi Leo A.W.S: Analisis Takmilah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zailani Zawawi, 2011. *Novel The Missing Piece: Analisis Daripada Perspektif Teori Takmilah*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2007. *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

LAMAN WEB

<http://journalarticle.ukm.my/view/divisions/J=5FGEMA/2014.html>

dimuat turun pada 9/5/2015

<http://sitimariamkhairunisamohdbadriblogspot.com/2013/03/nilai-murni-kerjasama.html>

<http://www.kkjel.edu.my/v1/attachments/article/212/KonsepPerubatanIslam.PDF>

dimuat turun pada 9/5/2015

<https://www.google.com/webhp?sourceid=chrome-instant&ion=1&espv=2&ie=UTF-8#q=Haron+Din%2C+2014.+Konsep+Perubatan+Islam.+Darussyifa+Online>

dimuat turun pada 9/5/2015